

17 DEC 1996

Sukom-Belanja

PERBELANJAAN SUKAN KOMANWEL MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Perbelanjaan pengurusan temasya Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 meningkat daripada RM261 juta kepada RM304 juta, kata Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Kos perbelanjaan itu melibatkan antaranya latihan kem motivasi sukarelawan dan program latihan sukan, katanya.

"Sumbangan daripada pelbagai pihak dialu-alukan bagi mencapai sasaran (peruntukan) menjelang Sukan Komanwel itu nanti," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Sukom dan Pensonic Holdings Berhad di sini hari ini.

Sukom dijangka dapat mencapai sasarannya menjelang Sukan Komanwel, memandangkan sehingga kini ia telah dapat mengumpul kira-kira 50 peratus daripada sasarannya, katanya.

Mengenai keprihatinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap masalah lalu lintas di ibu negara menjelang Sukan Komanwel, Hashim berkata, Sukom dan persatuan-persatuan sukan akan mengadakan beberapa pertandingan sukan bagi menguji kelancaran lalu lintas dan keberkesanannya.

"Kita akan mengadakan pertandingan sukan bukan sahaja pada hari minggu, malah pada waktu bekerja dengan kerjasama polis trafik," katanya.

Katanya, Perdana Menteri juga berpuashati dengan persiapan yang dibuat oleh Sukom dan agensi-agensi lain dan kemungkinan Dr Mahathir akan sekali lagi diberi taklimat.

Pensonic, pengeluar dan pemasar barangan elektrik, dilantik sebagai penaja rasmi barangan elektrik bagi kegunaan di Perkampungan Sukan Komanwel 98.

Pada majlis itu juga, Sukom menerima sumbangan cek bernilai RM5 juta daripada Pensonic sebagai tajaan dalam bentuk wang tunai dan barangan.

-- BERNAMA

HAB AHH